



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL.1/2023**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**13 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**  
**8.45 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya Siri 1 / 2023 pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Pemimpin-Pemimpin Persatuan MBSP, Kakitangan MBSP dan Wira-Wira Oren yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai. Saya juga merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Jabatan Khidmat Pengurusan yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Korporat Bandaraya yang pertama tahun ini.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sesungguhnya masa begitu pantas berlalu dan kita telah pun melangkah ke tahun baharu Tahun 2023. Semoga tahun ini, semua warga kerja MBSP lebih berusaha ke arah memperkukuhkan perpaduan, mempertingkatkan azam dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas dan kerja. Dengan cara ini, harapan Perdana Menteri untuk

merealisasikan Malaysia Madani dapat dicapai. Pada 19 Januari 2023, Perdana Menteri telah mengumumkan Malaysia Madani. Madani merupakan satu kerangka dasar yang terdiri daripada enam (6) tonggak dasar bagi membangun Malaysia Madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Konsep ini mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk mengangkat martabat ihsan berpaksikan keyakinan, nilai, akhlak serta tata kelola yang adil dan berkesan tanpa mengeneipkan prinsip kerajaan dalam pentadbiran. Marilah kita terus bekerja sebagai satu pasukan agar Malaysia Madani ini dapat direalisasikan dan segala tanggungjawab yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih pantas dan efisien. Tuan-tuan dan puan-puan perlu lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Baru-baru ini, kita juga telah mendengar amanat daripada Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan yang baru. Halatuju KPKT yang terbaru antaranya :

- i. Membangun dan memperkasakan peranan Kerajaan Tempatan, mesra rakyat dan *ready to facilitate*.
- ii. Membangun potensi PBT bagi meningkatkan sumber pendapatan dan hasil.

- iii. Merancang perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing.
- iv. Memperkasakan komuniti tanpa mengira kaum.
- v. Pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif.
- vi. Memperkukuhkan agenda bandar pintar.
- vii. Nilai budaya kerja yang mengikut kebudayaan melayu yang sebenar iaitu bersopan santun, saling hormat menghormati dan rajin.

Halatuju ini menggariskan perkhidmatan asas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah misi utama KPKT pada tahun 2023 bagi menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat. Justeru, MBSP perlu memastikan perkhidmatan asas kita dilaksanakan dengan betul, cepat dan sempurna. Seperti contoh jalan raya haruslah berturap dengan rata dan tidak berlubang, pemasangan lampu yang terang dan kini ke arah LED, longkang yang bersih dan tidak tersumbat serta tandas-tandas awam yang bertaraf 'BMW' iaitu Bersih, Menawan dan Wangi. Walaupun empat (4) perkara ini kelihatan asas dan ringkas, tetapi ianya sentiasa dekat di hati rakyat. Penyelesaian kepada isu ini menjadi kayu pengukur kepada kecekapan Kerajaan Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Di kesempatan ini, saya ingin mencadangkan agar kita menganjurkan 'Pertandingan Tandas BMW' peringkat MBSP. Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Kesihatan boleh menganjurkan pertandingan seumpama ini di bangunan utama dan cawangan dan hadiah boleh diberikan sewaktu Hari Majlis nanti.

Selain itu, saya juga ingin memetik amanat Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini yang mengatakan dalam kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita hendaklah memastikan penambahbaikan sentiasa dibuat sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja serta output agar ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Beliau mengharapkan agar kita sebagai penjawat awam terus memberikan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat dengan penuh profesional dan berintegriti, apatah lagi dalam era pascanormal yang mencabar dan penuh ketidakpastian. Usaha untuk memaju dan membangunkan negara ditambah dengan situasi semasa serta pegangan kukuh kepada ikrar profesionalisme perkhidmatan awam demi menjamin penyampaian perkhidmatan terbaik. Oleh itu, saya ingin tegaskan di sini bahawa SOP kerja MBSP perlulah dipertingkatkan, ditambahbaik dan dikemaskini bagi memenuhi ekspektasi ini. Kita sebagai penjawat awam perlu memastikan SOP dan dasar yang dibuat tidak membebankan dan menyukarkan rakyat.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya juga ingin menegaskan antara perkara yang berkait dengan etika kerja yang nampak mudah dan remeh tetapi sebenarnya perlu diambil perhatian dan ditambahbaik adalah:-

- i. Pemakaian *name tag* atau kad nama semasa masuk ke pejabat dan sepanjang masa bertugas perlu dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan, begitu juga di Pejabat-Pejabat Cawangan MBSP. Kawalan dan pemeriksaan oleh pihak keselamatan juga perlu dipertingkatkan setiap masa terutamanya semasa waktu pagi di laluan masuk ke Menara Bandaraya. Bagi pelajar amali, amalan ini juga perlu diterapkan malah diperketatkan, termasuklah pelawat-pelawat yang masuk ke Menara Bandaraya MBSP dan Pejabat-Pejabat Cawangan MBSP.
- ii. Amalan senyum setiap kali berurusan dengan pelanggan termasuk antara sesama kita adalah sangat penting untuk dilaksanakan. Senyuman menterjemahkan seribu persepsi dan pandangan serta kepuasan hati pelanggan. Paling penting kakitangan atau petugas barisan hadapan. Tidak ada ruginya kita senyum. Banyak keluhan di kalangan orang awam yang mengatakan petugas bermasam muka semasa melayani pelanggan atau orang awam. Oleh itu, saya tidak mahu MBSP tersenarai sebagai salah satu agensi yang termasuk dalam aduan pelanggan berkenaan sikap petugas.

Saya berharap perkara yang saya nyatakan tadi diperbetulkan segera dan diberi perhatian yang *serius* oleh pegawai pengurusan dan kakitangan. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan

rakyat di Seberang Perai, saya sentiasa menekankan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugas harian kita, *S- Specific, M- Measurable, A- Achievable, R- Reliable, T- Time* bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya berasa begitu bangga untuk menyatakan yang saya berada di salah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang begitu cemerlang, di mana kita boleh lihat usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian yang hebat dan memberangsangkan di dalam dan luar negeri.

Pada 17 Januari 2023, telah berlangsung Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang. Yang Amat Berhormat telah menyampaikan cek replika sebagai penghargaan bagi pengiktirafan yang diterima oleh jabatan dan agensi kerajaan negeri Pulau Pinang. Berdasarkan pencapaian MBSP pada tahun 2022, sebanyak empat

(4) pencapaian MBSP telah disenaraipendek dan membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM 14,000.00 menerusi kejayaan berikut:-

1. Sebanyak RM2,000.00 telah diberikan kepada Inovasi Lingkaran Bougainvillea atas pencapaian tempat kedua dalam pertandingan *National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022* pada 7 November 2022. Taman yang menempatkan 30 spesis pokok bunga kertas di Asia Tenggara ini bukan sahaja mengiktiraf usaha Seberang Perai bagi menjadi sebuah bandaraya rendah karbon, malah dapat menjadi satu penanda aras kepada agensi lain di Pulau Pinang untuk lebih proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada pemegang taruh (*stakeholders*).
2. Wang berjumlah RM5,000.00 telah diberikan kepada MBSP menerusi pencapaian tempat kedua dalam *SDG Awards* sempena *The 9th Citynet Congress 2022* yang telah berlangsung pada 20 hingga 23 September 2022 di Kuala Lumpur. Pencapaian peringkat antarabangsa ini sekaligus dapat meningkatkan imej Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di persada antarabangsa dan menjadi satu penanda aras kepada agensi lain di Malaysia untuk lebih proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada pemegang taruh.



3. Menerusi pencapaian sebagai *National Winner of the One Planet City Challenge 2022* dan *Global Finalist of the One Planet City Challenge 2022*, MBSP telah menerima wang berjumlah RM7,000.00. Pengiktirafan ini diberikan kepada bandar-bandar yang telah bersungguh-sungguh dalam mencapai target pengurangan pelepasan karbon, mitigasi yang komprehensif dan pengadaptasian kepada langkah-langkah yang diambil untuk menangani krisis. Data berkaitan telah dikongsi oleh bandar tersebut secara sukarela melalui *CDP-ICLEI track*. Data tersebut kemudian disahkan dan diukur menggunakan *Science-Based Assesment Matrix* untuk penilaian.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Selain itu, MBSP menerusi inovasi Lingkaran Bougainvillea juga telah melayakkan diri ke peringkat akhir Pertandingan Inovasi MALA 2.0: Piala Yang Berhormat Menteri yang dijadualkan berlangsung pada 8 dan 9 Februari 2023 di Dewan Kristal, KPKT. Inovasi Lingkaran Bougainvillea bersama 29 inovasi lagi akan bersaing bagi merebut wang utama berupa geran KPKT berjumlah RM1.2 juta dan wang tunai RM4,000.00, piala pusingan dan sijil penyertaan, tempat ke dua RM600,000.00 dan tempat ke

tiga RM300,000.00. Saya dimaklumkan Inovasi Lingkaran Bougainvillea ini disenaraikan sebagai *top three* dan akan diumumkan kelak di Konvensyen PBT di Ipoh Perak bulan hadapan. Kita doakan agar MBSP akan berjaya memperolehi wang utama tersebut. Syabas dan Tahniah.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Ketika Lawatan Kerja Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Pasar Awam Bukit Mertajam pada 06 Februari 2023, beliau menyatakan pasar awam itu yang dibina sekitar tahun 1960an sudah terlalu uzur dan ditambah pula pernah mengalami kebakaran sejak 10 tahun lalu. Oleh itu, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan bersetuju membantu kerajaan negeri Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi membina semula pasar awam itu yang sekali gus menawarkan kemudahan dan infrastruktur lebih baik untuk keselesaan peniaga serta pengunjung. Sebanyak RM23 juta diperuntukkan bagi pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam. Pembinaan semula ini terdiri daripada lima komponen iaitu Pasar Awam Bukit Mertaja, Tempat Letak Kereta Bertingkat, Peningkatan Infra 20 *Minutes City / Neighbourhood*, Kemudahan Pasar sementara dan Bukit Mertajam *Creative Centre*. Projek ini akan dilaksanakan tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2026. Alhamdulillah dan terima kasih kepada Tuan TPr. Mohd Ridzal

kerana telah membuat pembentangan yang memberangsangkan pada hari tersebut.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP juga telah memenangi Anugerah Emas dalam Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 yang berlangsung di Auditorium Institut Integriti Malaysia (IIM), Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Hj Fadillah bin Hj Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan swasta dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman dan pengurusan integriti setiap organisasi. Anugerah ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Ahli Majlis, pengurusan tertinggi (ketua jabatan / bahagian / unit) serta warga kerja MBSP terhadap pembudayaan dan pengamalan integriti dalam pentadbiran MBSP. Tahniah diucapkan kepada Encik Mohd Hairol Bin Man selaku Ketua Bahagian Sumber Manusia dan semua pihak Pengurusan Tertinggi serta kakitangan MBSP yang telah menjalankan tugas dengan berintegriti dan amanah.

Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan (JPSW), yang mana Jabatan sebelum penstrukturan semula di bawah Tuan TPr. Mohd Ridzal, telah dianugerahkan *Bronze Award* bagi kategori *Placemaking and Public Space*

(*Government Initiative – City Hall / City Council Category*) bagi Robina Eco Park – Kelestarian Alam Inspirasi Kejiranan Hijau daripada 70 penyertaan daripada pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta. Majlis penganugerahan ini berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 16 Januari 2023, dengan dihadiri oleh Raja Di-Hilir Perak, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Agensi Kerajaan, Swasta dan Pelajar Universiti. Tahniah Tuan TPr. Mohd Ridzal dan pasukan beliau.

Dalam Kejohanan Sukan MALA 2022, MBSP telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Sukan Hoki; Tempat Kelima hingga Kelapan (Suku Akhir) dalam Pertandingan Sukan Sepak Takraw; Layak ke Pusingan Kedua dalam Pertandingan Sukan Karom. Secara keseluruhannya semua sukan yang disertai oleh Atlet MBSP adalah amat memberangsangkan walaupun ada yang tewas tetapi secara tipis sahaja. Penambahbaikan boleh dibuat dengan memberi latihan secukupnya di samping komitmen dan semangat kesukanan ditingkatkan untuk membuahkan prestasi yang lebih baik pada masa hadapan. Saya berharap PESUKA di bawah pimpinan Encik Mat Nasir dapat membantu dan menyusun strategi untuk kecemerlangan sukan MBSP. SYABAS DAN TAHNIAH saya ucapkan.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada 3 Januari 2023, MBSP telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi dengan mewujudkan jabatan dan bahagian baharu dalam MBSP. Penstrukturan ini diputuskan bagi memastikan MBSP dapat melaksanakan *back to basic* setiap fungsi Jabatan dan Bahagian yang terlibat. Untuk makluman semua:-

1. Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah ditukarkan ke Jabatan Korporat dan diketuai oleh Encik Wan Junaidy Bin Yahaya sebagai Pengarah Korporat;
2. Jabatan Kemasyarakatan ditukarkan ke Jabatan Perhubungan Komuniti dengan Puan Norhayati Binti Sulaiman sebagai Pengarah Perhubungan Komuniti;
3. Pembentukan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang diketuai oleh Encik Mohd Hairol Bin Man Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, yang sebelum ini di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan;
4. Jabatan Pelancongan Seni dan Warisan telah dimansuhkan dan Tuan TPr. Mohd Ridzal Bin Abdul sekarang mengetuai Jabatan Pematuhan Teknikal & Dasar sebagai Pengarah Pematuhan Teknikal & Dasar; dan

5. Unit Pembangunan Lestari telah ditukarkan ke Jabatan Pembangunan Lestari dan diketuai oleh Puan Normaira Binti Abdul Rahman sebagai Pengarah Pembangunan Lestari.

Dengan penstrukturan semula ini, saya berharap agar SOP kerja dapat dikemaskini dan ditambahbaik untuk kecekapan perkhidmatan kepada rakyat.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Selain itu, untuk makluman semua, MBSP akan menganjurkan *Seberang Perai International Conference Of Eco Tourism and Conservation Efforts* atau SPICEC pada bulan Oktober nanti. Ini merupakan satu-satunya forum antarabangsa yang berjaya dianjurkan oleh MBSP. Akibat kekangan Pandemik Covid-19 terpaksa forum ini tunda ke tahun ini. Dengan tema "*The Power and Aspiration Of Rivers*" saya berharap kali ini kita dapat menarik lebih ramai yang hadir menjayakan forum ini. Saya juga berharap agar Jawatankuasa yang telah dilantik dapat membuat persiapan awal, memberi komitmen dan melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Dalam Skop Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Kaunter Berpusat dan Tandas di Menara Bandaraya yang sedang dalam pelaksanaan, Tandas Tingkat 15, 14, 13, 12 dan tandas di kaunter berpusat sedang dinaiktaraf di mana sehingga kini dua (2) tandas iaitu di Tingkat 15 dan 14 telah disiapkan. Manakala tiga (3) lagi tandas masih sedang dinaiktaraf dan dijadualkan siap pada penghujung Februari 2023. MBSP merancang untuk menaiktaraf semua tandas di Menara Bandaraya namun pelaksanaan adalah secara berfasa mengikut kelulusan Bajet Tahunan MBSP. Kos bagi pembaikan tandas di setiap tingkat adalah RM100,000.00. Harapan saya adalah untuk mewujudkan tandas bertaraf BMW (Bersih, Menawan dan Wangi) dengan kita mulakan di Pejabat-Pejabat MBSP dahulu. Bersama-samalah kita menjaga kemudahan yang telah disediakan dengan sebaiknya.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program Senam Sihat Warga MBSP adalah merupakan salah satu program bertujuan untuk memastikan tahap kecergasan serta penerapan amalan ke arah gaya hidup sihat dalam agenda MBSP. Pihak Pengurusan MBSP sentiasa komited dalam meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani terutamanya kepada warga kerja agar ianya dapat memberi impak

yang positif kepada pembangunan sahsiah serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.

Program senam sihat Warga MBSP telah diperkenalkan sejak tahun 2018 dan penyertaan terbuka kepada semua warga kerja MBSP. Mulai 24 Ogos 2022 MBSP telah mengambil inisiatif untuk memberi penghargaan kepada warga MBSP yang paling banyak melibatkan diri dalam Program Senam Sihat Warga MBSP bagi tahun 2022. Ini merupakan salah satu galakkan bagi kakitangan MBSP mengekalkan gaya hidup sihat di samping melaksanakan tugas harian. Program ini dilaksanakan sebanyak sembilan (9) kali pada tahun 2022. Penglibatan kakitangan MBSP terbanyak akan menerima sijil penyertaan dan hamper.

Di sini saya ingin memberi penekanan kepada Ketua-Ketua Jabatan dalam memainkan peranan untuk melibatkan semua kakitangan dengan sebaiknya dan pada hari ini kita akan memberi penghargaan kepada kakitangan yang mempunyai rekod penyertaan Program Senam Sihat yang tertinggi.

Pada hari ini juga (13 Februari 2023), MBSP akan melancarkan Program 'MBSP Weight Loss Challenge 2023' dan peserta boleh menyertai



dengan akses kepada QR code yang telah disediakan. Program “*MBSP Weight Loss Challenge 2023*” merupakan program inisiatif di tempat kerja kepada warga kerja MBSP sebagai platform memperkuatkan semangat menurunkan berat badan di samping dapat menjaga serta mengekalkan kesihatan. Program ini dilaksanakan selama lapan (8) bulan bermula 15 Februari sehingga 31 Oktober 2023 dan tempoh pendaftaran bermula pada 13 dan 14 Februari 2023. Segeralah mendaftar dan pemenang akan diumumkan pada bulan November 2023. Pemenang akan menerima penghargaan berupa hamper dan sijil penyertaan.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program Menembak Gagak atau *Operation: Crow Sharpshooter* (Ops Cross) untuk mengawal populasi gagak di kawasan Seberang Perai pada tahun 2022 berjaya melupuskan sebanyak 10,023 ekor gagak. Susulan kejayaan tahun 2022, sukacita dimaklumkan bahawa MBSP telah meneruskan penganjuran Program Menembak Gagak, *Operation: Crow Sharpshooter* (OPS CROSS) MBSP 4 Februari 2023. *OPS CROSS Mini (Invitational)* ini melibatkan seramai 13 penembak berlesen yang terpilih di 15 lokasi hotspot seluruh Seberang Perai. Jumlah gagak yang berjaya ditembak adalah sebanyak 1,276 ekor (purata 98-99 ekor / penembak). Sampel gagak diserahkan kepada pasukan penyelidik dari *The Tropical Infectious Disease Research & Education Centre* (TIDREC) Universiti

Malaya (UM) dan Pusat Kaji Sains Hayat USM. Hasil kajian akan digunakan untuk merangka strategi kawalan berasaskan bukti saintifik (*evidence-based intervention*).

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan juga telah melaksanakan Program Tangkap Tikus Bersama Komuniti (*Project Zero Rodent (ZoRo) MBSP: Rat to Cash*) pada 31 Januari hingga 4 Februari 2023. Program ini dilaksanakan di empat (4) hub pengumpulan, iaitu Pasar Awam Bagan Ajam, Pasar Awam Bukit Mertajam, Pasar Awam Tambun Indah, dan Paun Simpanan Haiwan. Setiap tikus yang ditangkap dan diserahkan (sama ada hidup atau mati) dibayar RM3.00/ekor. Jumlah keseluruhan tikus yang ditangkap adalah 221 ekor. Sampel tikus diserahkan kepada pasukan penyelidik dari *The Tropical Infectious Disease Research & Education Centre (TIDREC)* Universiti Malaya (UM) untuk kajian parasitologi dan penyakit berjangkit bawaan tikus. Tahniah sekali lagi atas usaha Jabatan Kesihatan yang diketuai oleh Encik Mohd Ibrahim.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sepanjang tahun 2022 MBSP telah menunjukkan prestasi yang cemerlang berdasarkan Pengiktirafan Yang Diraih Oleh MBSP, Mengekalkan Standard Operasi dan Tadbir Urus Terbaik, Menjadi Penanda Aras Kepada Agensi Kerajaan dan PBT serta Komitmen Dalam

Menyelesaikan Masalah Rakyat. Bagi menghargai komitmen dan kerja keras Ahli Majlis dan Kakitangan MBSP sepanjang tahun 2022, MBSP bersetuju memberikan Insentif Kecemerlangan Prestasi 2022 pada kadar RM500.00 secara “one-off” kepada Ahli Majlis dan Kakitangan MBSP yang layak. Pemberian Insentif Kecemerlangan Prestasi 2022 ini akan melibatkan implikasi kos sebanyak RM2.05 juta. Pembayaran Insentif Kecemerlangan Prestasi 2022 kepada Ahli Majlis dan Kakitangan MBSP yang layak akan dibuat pada 24 Februari 2023. Alhamdulillah.

Semua warga kerja MBSP hendaklah lebih berusaha ke arah memperkukuhkan perpaduan, mempertingkatkan azam dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas dan kerja. Marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni, janganlah membawa sikap mementingkan diri atau bersikap SILO mentaliti kerana sikap ini sebenarnya akan meruntuhkan organisasi. Apa yang kita inginkan agar segala tanggungjawab dan tugas yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih cekap, pantas dan efisien. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Baikilah hati kita, kerja dengan ikhlas agar segala usaha kita diterima oleh yang Maha Esa.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Ini merupakan Perhimpunan Korporat yang pertama bagi tahun 2023 dan saya mohon maaf sekiranya mengambil masa pihak tuan/puan sedikit lama untuk berdiri. Marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP yang saya kasihi selama mana kita memacu ke arah kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandar ini selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon. Jadikan cabaran sebagai pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***